



PNC Lepasi Audit SIRIM Peringkat 2 MS ISO 9001:2008



Naib Canselor, UPM Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha semasa berucap dalam mesyuarat penutupan audit.

SERDANG, 27 Oktober – Pejabat Naib Canselor, Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya melepasi Audit SIRIM peringkat 2, MS ISO 9001:2008 yang berlangsung pada 26 hingga 27 Oktober baru-baru ini dengan memperoleh 1 ketakakuran kecil.

Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) PNC berkuat kuasa pada 2 Mac lalu dan dilancarkan pada 12 Jun lalu.

Semasa audit SIRIM peringkat 1 pada 22 Julai lalu terhadap lima entiti PNC iaitu Bahagian Pentadbiran, Bahagian Komunikasi Korporat, Bahagian Audit Dalam, Bahagian Perancangan Korporat dan Penerbit UPM, kesemua entiti berjaya melepasi tanpa sebarang teguran.

Pasukan audit SIRIM diketuai oleh Hajah Aine Jamaliah Mohamad Zain dan dibantu oleh juruaudit Hajah Mariam Mohamed Zin dalam mesyuarat penutupan Audit SIRIM peringkat 2 berkata bahawa PNC UPM telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam pelaksanaan MS ISO 9001:2008 dengan pelbagai penemuan positif dan keistimewaan dalam pelaksanaan SPK.

“Antara penemuan positif ialah rujukan -rujukan proses seperti senarai pengacara majlis dan senarai penyambut didapati dengan terperinci, semangat kerja berpasukan terdapat di semua entiti serta sistem fail dan rekod mudah diperolehi,” kata Jamaliah.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dalam ucapan mesyuarat penutupan audit mengucapkan tahniah kepada seluruh warga PNC yang bukan sahaja cukup bersedia menerima pengauditan SIRIM tetapi berjaya melepasi dengan 1 ketakakuran kecil sahaja.

“Saya berharap PNC akan menjadikan budaya kualiti sebagai budaya kerja dan dianugerahkan Sijil MS ISO 9001:2008 pada tahun ini. PNC tiada pilihan sama ada untuk berkata boleh dan tidak boleh mendapat sijil ini sebaliknya PNC mesti boleh mendapatnya,” kata beliau penuh bersemangat di hadapan staf PNC.



Hajah Aine Jamilah ketika membentangkan laporan pengauditan.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.